



PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TEKUN KEPADA USAHAWAN YANG TERJEJAS DENGAN COVID-19

LINDUNG
DIRI,
LINDUNG
SEMUA.



KEMASKINI 4 JUN 2021



@tekunnasional

- **Apakah yang dimaksudkan penangguhan pembayaran balik pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN?**

Ia adalah penangguhan pembayaran balik pembiayaan selama tiga bulan untuk membantu usahawan yang terjejas dengan wabak Covid-19.

- **Apakah kriteria kelayakan penangguhan ini dan bilakah bermulanya penangguhan ini?**

Penangguhan ini diberikan kepada pembiayaan yang bertunggakan tidak melebihi enam bulan pada 30 April 2021 atau 31 Mei 2021 dan ianya bermula dari Jun 2021 dan berakhir pada 31 Ogos 2021.

Peminjam yang mempunyai tunggakan adalah dinasihatkan untuk menjelaskan tunggakan ini atau membuat penjadualan semula pembiayaan setelah tamatnya tempoh penangguhan.





- Apakah yang perlu dilakukan oleh usahawan untuk mendapatkan penangguhan ini?
Usahawan boleh memohon penangguhan ini dengan melengkapkan permohonan melalui pautan :
<https://tinyurl.com/mora4tekun>
TEKUN tidak melantik mana-mana agen atau pihak ketiga untuk proses penangguhan ini.
- Adakah semua produk pembiayaan TEKUN boleh memohon penangguhan ini?
Semua produk pembiayaan layak memohon KECUALI produk Kontrak-i.
- Bagaimakah untuk mengetahui permohonan saya diluluskan atau tidak?
Setiap kelulusan atau penolakan akan dimaklum menerusi sms kepada peminjam.

- Bolehkah saya meneruskan pembayaran seperti biasa sepanjang tempoh penangguhan ini?

Anda boleh membuat meneruskan pembayaran menerusi Aplikasi TEKUN Pay (mobile apps), perbankan internet, CDM dan saluran pembayaran TEKUN yang lain.

- Adakah rekod pembayaran balik saya akan terjejas dengan penangguhan ini?

Tidak, rekod pembayaran balik anda tidak terjejas sepanjang tempoh penangguhan ini.

- Adakah saya dikenakan sebarang caj kerana penangguhan ini?

Tiada sebarang caj tambahan dikenakan sepanjang penangguhan ini.



- Adakah tempoh pembiayaan saya akan sama seperti asal atau dipanjangkan?
Tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan selama 3 bulan
- Apakah yang perlu saya buat selepas berakhirnya tempoh 3 bulan tambahan penangguhan tersebut?
Setelah tamat tempoh penangguhan tersebut, pembayaran balik pembiayaan perlu dibuat seperti biasa (mulai September 2021).
- Sekiranya saya bertunggakan melebihi 6 bulan pada April 2021 atau Mei 2021 (tidak layak penangguhan), apakah bantuan yang boleh diberikan oleh TEKUN?
Sekiranya anda bertunggakan melebihi 6 bulan pada April 2021 atau Mei 2021, anda dinasihatkan untuk membayar tunggakan tersebut atau membuat penjadualan semula pembiayaan di Pejabat TEKUN Cawangan selepas berakhirnya PKP ini.
- Bilakah tarikh akhir permohonan penangguhan ini?
Tarikh akhir bagi permohonan penangguhan ini adalah pada 31 Ogos 2021.